

**REPRESENTASI SEMANTIK PREDIKAT KAUSATIF AKTIVITI PERALIHAN MILIK DALAM
BAHASA MELAYU BERDASARKAN TATABAHASA PERANAN DAN RUJUKAN
SEMANTIC REPRESENTATION ON CAUSATIVE ACTIVITY PREDICATE OF TRANSITION
VERB IN MALAY : ROLE AND REFERENCE GRAMMAR APPROACH**

Ibrohim Malee¹

Mohamad Suhaizi Suhaimi²

Ong Su Teck³

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan analisis predikat kausatif aktiviti dan struktur logik yang terhasil bagi kata kerja aktiviti dalam bahasa Melayu. Analisis struktur logik berdasarkan pendekatan Tatabahasa Peranan dan Rujukan (TPR) dilihat mampu meneliti secara ilmiah kajian ini serta memberi kesahihan bagi data-data yang diperolehi. Sehubungan itu, predikat kausatif aktiviti dapat difahami sebagai punca atau sebab bagi kata kerja yang berlaku dan menabirkan sesuatu yang baharu. Kajian ini turut memperihalkan secara terperinci bahawa terjadi juga ketiadaan imbuhan *menN-kan*, *meN-i*, *-i* dan *-kan* bagi menunjukkan ciri 'menyebabkan' terhadap predikat kausatif aktiviti. Justeru itu, kata kerja aktiviti yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah Kata Kerja Peralihan Milik yang mempunyai imbuhan awalan *meN-* sahaja seperti *memberi*, *menyumbang*, *menderma*, *mengirim*, *menjual*, *membeli*, *mengepos*, *mencuri*, *merompak* dan *meragut*. Dengan menggunakan data korpus yang dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), kajian ini menyerlahkan lagi dapatan yang diperolehi daripada ruangan akhbar arus perdana seperti Utusan Malaysia, Berita Harian dan Harian Metro yang mengandungi data penulisan bahasa Melayu.

Kata kunci: Predikat Kausatif; Kata Kerja Aktiviti; Kelas *Aktionsart*; Bahasa Melayu; Struktur Logik

Abstract

This paper discusses the analysis of causative activity predicate and logic structure resulting from activity verb in Malay. Logic Structure Analysis based on the approach Role and Reference Grammar (RRG) plays a vital

¹ Lecturer, Ramkhamhaeng University E- mail : ibrohim@rumail.ru.ac.th

² Lecturer, International Islamic University Malaysia, Pagoh E- mail : msuhaizi@iiium.edu.my

³ The National University of Malaysia E- mail : ongsuteck@gmail.com

* Manuscript received January 20, 2021; revised March 22, 2021 and accepted April 20, 2021

role in give validity to the data obtained. Thus, causative activity predicate can be understand as cause for verbs form and describe new result. This study also describes that there are also not showed any ‘causing’ features for the prefix *meN-kan*, *meN-i*, *-i* and *-kan* toward causative activity predicate. Activity verb that been focused in this study is prefix *meN-* transition verb such as *memberi*, *menyumbang*, *menderma*, *mengirim*, *menjual*, *membeli*, *mengepos*, *mencuri*, *merompak* and *meragut*. By using the Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)’s corpus data, this study focus more on mainstream newspaper for instance Utusan Malaysia, Berita Harian and Harian Metro.

Keywords: *Causative predicate, Activity Verb, Actionsart, Malay Language, Logic Structure*

Pendahuluan

Teori *Role and Reference Grammar* (RRG) turut dikenali sebagai Teori Peranan dan Rujukan (TPR) dalam bahasa Melayu. Teori ini mengambil dan mengadaptasikan sistem dekomposisi leksikal (*decomposition lexical*) yang dicadangkan oleh Dowty (1979) berasaskan klasifikasi kata kerja Vendler (1967). Vendler mengklasifikasikan kata kerja kepada keadaan, pencapaian, aktiviti dan penyempurnaan. Sehubungan itu, klasifikasi tersebut yang dikenali sebagai *Aktionsart* bukan sahaja sesuai untuk kata kerja bahasa Inggeris, namun juga sesuai untuk kata kerja bahasa yang lain misalnya bahasa Melayu.

Kelas *Aktionsart* mementingkan ciri hakiki temporal bagi kata kerja, iaitu keterbatasan (\pm telik), jangka masa (\pm ketepatan masa) dan kedinamikan (\pm statik). Justeru itu, ciri-ciri kata kerja tersebut dapat dilihat seperti yang berikut:

- (a) Keadaan : [+ statik], [- titik penamat], [- ketepatan masa]
- (b) Pencapaian : [- statik], [+ titik penamat], [+ ketepatan masa]
- (c) Penyempurnaan : [- statik], [+ titik penamat], [- ketepatan masa]
- (d) Aktiviti : [- statik], [- titik penamat], [- ketepatan masa]

(Van Valin & Lapolla, 1997, p. 93)

Teori tersebut mengaplikasikan ujian sintaksis dan semantik yang dibincangkan oleh Dowty (1979) untuk membezakan keempat-empat kata kerja ini. Ujian untuk menentukan kelas *Aktionsart* adalah seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1 Ujian penentuan jenis *Aktionsart*

Kriteria	Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti
Hadir dengan progresif 'sedang'	Tidak	Tidak	Ya	Ya
Hadir dengan adverba 'bersemangatan'	Tidak	Tidak	Tidak	Ya
Hadir dengan adverba 'dengan cepat/ perlahan'	Tidak	Tidak	Ya	Ya
Hadir dengan frasa 'selama sejam'	Ya*?	Tidak	T/Berkaitan	Ya
Hadir dengan frasa 'dalam masa sejam'	Tidak	Tidak	Ya	Tidak

Selain itu, setiap kata kerja dalam kelas *Aktionsart* boleh menerima unsur kausatif. Menurut Pavay (2010: 100), predikat kausatif sebagai sebahagian daripada makna inheren yang menjadi 'menyebabkan' sesuatu kata kerja itu terjadi atau berlaku. Hal ini turut menjadikan kata kerja aktiviti boleh menerima kausatif dan dikenali sebagai predikat kausatif aktiviti. Jadual 2 di bawah menunjukkan ujian untuk menentukan unsur kausatif bagi keempat-empat kelas kata kerja tersebut:

Jadual 2 Ujian penentuan unsur kausatif dalam kelas kata kerja

Kriteria	Kausatif Keadaan	Kausatif Pencapaian	Kausatif Penyempurnaan	Kausatif aktiviti
Hadir dengan progresif 'sedang'	Ya	Tidak	Ya	Ya
Hadir dengan adverba 'bersemangatan'	Ya	Ya	Ya	Ya

Hadir dengan adverb ‘dengan cepat/ perlahan’	Tidak	Tidak	Ya	Ya
Hadir dengan frasa ‘selama sejam’	Ya	Tidak	T/Berkaitan	Ya
Hadir dengan frasa ‘dalam masa sejam’	Tidak	Tidak	Ya	Tidak
Boleh digunakan sebagai ‘pengubahsuai statif’	Ya	Ya	Ya	Tidak
Mempunyai makna kausatif	Ya	Ya	Ya	Ya

Sehubungan itu, kajian ini memberi pengelasan kata kerja aktiviti kepada pengelompokan Kata Kerja Peralihan Milik. Kata kerja ini bermaksud sesuatu objek atau perkara yang bertukar kepemilikan daripada ada menjadi kepada tiada atau sebaliknya. Justeru, kata kerja ini dilihat sudah membawa makna kausatif dalam bahasa Melayu tanpa perlu menggunakan imbuhan *meN-kan*, *meN-i*, *-kan* dan *-i*.

Ujian Parafraza Kausatif

Sesuatu keadaan (*State of Affair*) melibatkan keadaan spontan atau keadaan menyebabkan (*induced*). Bagi kelas *Aktionsart* asas, terdapatnya kelas kausatif yang selaras dengan keadaan ‘menyebabkan’. Van Vallin dan LaPolla (1997) menggunakan ujian parafraza kausatif untuk membezakan kelas kausatif dengan kelas bukan kausatif. Dalam bahasa Melayu, kata kerja seperti *mengirim* dalam ayat *Ali mengirim surat itu kepada Abu* dan *Abu menerima surat itu daripada Ali* dianggap sebagai kausatif kerana ayat ini boleh diparafraza sebagai *Ali menyebabkan Abu mendapat surat itu* dan *Abu menyebabkan Ali tidak mempunyai surat itu*.

Permasalahan Kajian

Kebanyakan kata kerja kausatif dalam bahasa Melayu ditandai dengan morfologi *meN-kan*, *meN-i*, *-kan* dan *-i* untuk membawa pengertian ‘menyebabkan’ menjadi. Hal ini hampir bertepatan dengan Nik Safiah

Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood (2011, p. 186) iaitu akhiran *-kan* merupakan salah satu bentuk imbuhan yang membentuk kata kerja transitif dan membawa dua pengertian khusus, misalnya pengertian kausatif. Sebagai contoh, kelas kata kerja aktiviti *masak* dapat menerima imbuhan apitan *meN-kan* menjadi *memasakkan*, *berlari* menjadi *melarikan* dan sebagainya. Namun begitu, tidak semestinya penggunaan *meN-kan* sahaja yang menunjukkan kausatif seperti kata kerja *bunuh* yang sudah menunjukkan kausatif bahawa berlakunya sesuatu dan entiti penderita menerima kesan *mati*.

Selain itu, kausatif *meN-kan* dan *meN-i* adalah hanya merupakan sebahagian daripada bentuk kausatif dalam bahasa Melayu (Siti Khaotijah, 2003). Malah beliau mendapati bahawa tidak semua imbuhan tersebut bersifat kausatif. Sehubungan itu, kajian mengenai predikat kausatif aktiviti tidak pernah disentuh oleh pengkaji terdahulu terutamanya dalam bahasa Melayu. Atas dasar itu, kajian ini dilakukan bagi memberi pendedahan unsur kausatif yang lain bagi predikat kausatif aktiviti tersebut. Kajian ini cuba menunjukkan bahawa kata kerja kausatif aktiviti peralihan milik yang berimbuhan awalan *meN-* sahaja sudah boleh membawa makna kausatif.

Objektif Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada dua objektif iaitu:

- i. Mendeskripsikan Kata Kerja Kausatif Aktiviti Peralihan Milik dalam bahasa Melayu.
- ii. Menganalisis struktur logik terhadap Kata Kerja Kausatif Aktiviti Peralihan Milik dalam bahasa Melayu berdasarkan Tatabahasa Peranan dan Rujukan.

Data korpus

Dalam bidang linguistik, data yang dikumpulkan, disimpan dan disusun untuk kajian bahasa diistilahkan sebagai data korpus. Disebabkan kebanyakan data korpus pada masa ini tersimpan dalam bentuk elektronik dengan menggunakan perisian tertentu, maka istilah data korpus berkomputer telah digunakan. Kini, kajian berasaskan data korpus berkomputer telah menjadi kajian arus perdana (Leech, 1996, p. 9). Selain itu, data korpus digunakan sebagai data kajian bahasa dalam hampir semua cabang linguistik seperti semantik, sintaksis, sosiolinguistik, leksikografi dan morfologi (McEnery dan Wilson, 2001, p. 1). Oleh yang demikian,

kajian ini menggunakan data korpus DBP dalam ruangan akhbar sebagai data kajian ayat yang mengandungi kata kerja peralihan milik yang mempunyai ciri-ciri kausatif.

Dapatan

Setelah proses pemilihan data dilakukan dalam data korpus DBP, hanya 10 sahaja data yang terpilih untuk dianalisis dan ditunjukkan struktur logiknya. Hanya data yang mengandungi Kata Kerja Aktiviti Peralihan Milik yang membawa unsur kausatif dengan imbuhan awalan *meN-* sahaja dipilih. Hal ini demikian kerana didapati kata kerja ini boleh membawa maksud 'menyebabkan' menjadi dan menabirkan kesan bagi kata kerja tersebut.

Data Korpus 1

No. Rekod	Data & Struktur Logik
8558#0	Tajudin sedang memberi duit raya kepada kanak-kanak yang hadir.
	[melakukan' (Tajudin, [memberi' (Tajudin, duit raya)] menyebabkan [menjadi' (kanak-kanak, [ada]])]

(Badrila Jamlus, *Bank Islam lancar perbankan internet minggu depan*, *Ekonomi*, 2002)

Data Korpus 2

No. Rekod	Data & Struktur Logik
110965#0	Syarikat itu dapat menyumbang bekalan kayu balak negara pada masa hadapan.
	[melakukan' (syarikat, [menyumbang' (syarikat, bekalan kayu balak)] menyebabkan [menjadi' (Ø, [ada]])]

(500,000 pokok jati ditanam di lebuhraya, *Mutakhir*, 1998)

Data Korpus 3

No. Rekod	Data & Struktur Logik
84726#0	<p>Warga Ipoh boleh menderma wang untuk rakyat Albania.</p> <p>[melakukan' (warga Ipoh, [menderma' (warga Ipoh, wang)] menyebabkan [menjadi' (rakyat Albania, [ada])]</p>

(Hassan Omar, *Menderma amalan mulia, Agama, 2004*)

Data Korpus 4

No. Rekod	Data & Struktur Logik
103627#0	<p>Sultan itu mengirim sepucuk surat bertarikh 18 Mac 1771 kepada Gabenor.</p> <p>[melakukan' (Sultan, [mengirim' (Sultan, surat)] menyebabkan [menjadi' (Gabenor, [ada])]</p>

(Wanita dan orang asing, *Rencana, 1998*)

Data Korpus 5

No. Rekod	Data & Struktur Logik
13054#3	<p>Proton sudah mengadakan rundingan untuk menjual Lotus dengan pemilik Alchemy, John Moulton.</p> <p>[melakukan' (Proton, [menjual' (Proton, Lotus)] menyebabkan [menjadi' (John Moulton, [ada])]</p>

(Minarni Mat Saad, *Proton tiada niat jual Lotus, Ekonomi, 2001*)

Data Korpus 6

No. Rekod	Data & Struktur Logik
36256#4	Isteri membeli barang keperluan untuk dibuat juadah. [melakukan' (isteri, [membeli' (isteri, barang keperluan)] menyebabkan [menjadi' (Ø, [tiada]])]

(Rohaniza Idris, *Persiapan saat akhir, Nasional, 2004*)

Data Korpus 7

No. Rekod	Data & Struktur Logik
21399#0	Orang ramai mengepos kad lebih awal untuk mengelakkan kelewatan penerimaan. [melakukan' (orang ramai, [mengepos' (orang ramai, kad)] menyebabkan [menjadi' (Ø, [ada]])]

(Khairul Anuar Abdul Malik, *Kakitangan sementara urus 14 juta kad ucapan, Kerjaya, 1996*)

Data Korpus 8

No. Rekod	Data & Struktur Logik
74897#1	Resty mencuri wang itu. [melakukan' (Resty, [mencuri' (Resty, wang)] menyebabkan [menjadi' (Ø, [tiada]])]

(Shamsul Kamal Amarudin, *2 pihak selesai hujah, Mahkamah dan Jenayah, 2005*)

Data Korpus 9

No. Rekod	Data & Struktur Logik
83498#0	Geng Mamak merompak lebih RM1 juta daripada pengawal keselamatan. [melakukan ' (Geng Mamak, [merompak' (Geng Mamak, RM1 juta)] menyebabkan [menjadi ' (pengawal keselamatan, [tiada])]

(Mohd Roji Abdullah, Polis tahan orang kanan Geng Mamak, Nasional, 2004)

Data Korpus 10

No. Rekod	Data & Struktur Logik
28337#0	Dua lelaki yang dipercayai meragut telefon bimbit milik seorang wanita. [melakukan ' (dua lelaki, [meragut' (dua lelaki, telefon bimbit)] menyebabkan [menjadi ' (wanita, [tiada])]

(Fazallah Pit, Dua polis wanita berkas lelaki disyaki peragut, Nasional, 2004)

Perbincangan

Berdasarkan data korpus 1, kata kerja aktiviti *memberi* telah menyebabkan kanak-kanak mendapat duit raya daripada pelaku iaitu Tajudin. Hal ini demikian kerana, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang menjadi kesan kepada kata *memberi*. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Tajudin menyebabkan kanak-kanak mendapat duit raya” dan “Kanak-kanak menyebabkan Tajudin tidak mempunyai duit raya”.

Selain itu, data korpus 2 menunjukkan kata kerja aktiviti *menyumbang* telah menyebabkan sesuatu memiliki bekalan kayu balak yang diperolehi daripada sesebuah syarikat. Dalam konteks ayat tersebut, boleh ditafsirkan sesuatu itu ialah industri pembalakan negara. Selain itu, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata *menyumbang*. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat

kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Syarikat menyebabkan sesuatu mendapat kayu balak” dan “Sesuatu menyebabkan syarikat tidak mempunyai kayu balak”.

Data korpus 3 pula menunjukkan kata kerja aktiviti *menderma* telah menyebabkan rakyat Albania memiliki wang yang diperolehi daripada warga Ipoh. Hal ini demikian kerana, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata *menderma*. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Warga Ipoh yang menyebabkan rakyat Albania mendapat wang” dan “Rakyat Albania yang menyebabkan warga Ipoh tidak mempunyai wang”.

Selain itu, data korpus 4 menunjukkan kata kerja aktiviti *mengirim* telah menyebabkan Gabenor memiliki surat yang diperolehi daripada Sultan. Hal ini demikian kerana, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata *mengirim*. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Sultan yang menyebabkan Gabenor mendapat surat” dan “Gabenor yang menyebabkan Sultan tidak mempunyai surat”.

Data korpus 5 pula menunjukkan kata kerja aktiviti *menjual* telah menyebabkan John Moulton memiliki Lotus yang diperolehi daripada Proton. Hal ini demikian kerana, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata *menjual*. Selain itu, binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Proton yang menyebabkan John Moulton mendapat Lotus” dan “John Moulton yang menyebabkan Proton tidak mempunyai Lotus”.

Selain itu, data korpus 6 menunjukkan kata kerja aktiviti *membeli* telah menyebabkan isteri memiliki barang keperluan yang diperolehi daripada seseorang. Berdasarkan konteks ayat, seseorang itu boleh diandaikan sebagai peniaga. Selain itu, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata *membeli*. Binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja

aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Isteri mendapat barang keperluan” dan “Isteri yang menyebabkan sesuatu (peniaga) tidak mempunyai barang keperluan”.

Sehubungan itu, data korpus 7 menunjukkan kata kerja aktiviti *mengepos* telah menyebabkan sesuatu memiliki kad yang diperolehi daripada orang ramai. Dalam konteks ayat tersebut, dapat diandaikan bahawa “sesuatu” bermaksud seseorang. Selain itu, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata *mengepos*. Binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Orang ramai yang menyebabkan sesuatu (seseorang) mendapat kad” dan “Sesuatu (seseorang) yang menyebabkan orang ramai tidak mempunyai kad”.

Data korpus 8 pula menunjukkan kata kerja aktiviti *mencuri* telah menyebabkan Resty memiliki wang yang diperolehi daripada sesuatu. Dalam konteks ayat tersebut, „sesuatu” dapat diandaikan sebagai seseorang. Selain itu, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata *mencuri*. Binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Resty mendapat wang” dan “Resty yang menyebabkan sesuatu (seseorang) tidak mempunyai wang”.

Selain itu, data korpus 9 menunjukkan kata kerja aktiviti *merompak* telah menyebabkan Geng Mamak memiliki RM1 juta yang diperolehi daripada pengawal keselamatan. Selain itu, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata *merompak*. Binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Geng Mamak mendapat RM1 juta” dan “Geng Mamak yang menyebabkan pengawal keselamatan tidak mempunyai RM1 juta”.

Akhir sekali, data korpus 10 pula menunjukkan kata kerja aktiviti *meragut* telah menyebabkan dua lelaki memiliki telefon bimbit yang diperolehi daripada seorang wanita. Selain itu, kata kerja aktiviti tersebut sudah menabirkan makna menerima yang memberi kesan kepada kata *meragut*. Binaan struktur logik tersebut mengukuhkan lagi kata kerja aktiviti menjadi kausatif. Untuk memastikan ayat ini bersifat kausatif, ujian

kausatif boleh dilakukan. Ujian kausatif dilakukan dengan memparafrasakan ayat ini iaitu “Dua lelaki mendapat telefon bimbit” dan “Dua lelaki yang menyebabkan seorang wanita tidak mempunyai telefon bimbit”

Kesimpulan

Predikat kausatif aktiviti dilihat juga mampu untuk tidak menerima imbuhan *meN-kan*, *meN-i*, *-kan* dan *-i* bagi menunjukkan unsur ‘menyebabkan’ menjadi. Hal ini dibuktikan dengan binaan struktur logik yang mendapati Kata Kerja Peralihan Milik berfungsi memberi kausatif bagi kata kerja aktiviti dan mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Selain itu, kata kerja aktiviti yang ditunjukkan dan ujian parafrasa sudah membawa makna penabiran yang jelas untuk menentukan kata kerja tersebut adalah bersifat kausatif.

Rujukan

- Leech, G. (1996). *Foreword: The Spoken English Corpus in its Context*. London: Longman.
- McEnery, T., & Wilson, A. (2001). *Corpus Linguistic*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pavey, E.L. (2010). *Structure of language an introduction to grammatical analysis*. New York: Cambridge University Press.
- Siti Khaotijah Mohammad. (2003). *Analisis kausatif bahasa Melayu berdasarkan korpus menggunakan pendekatan minimalis*. Tesis Dr. Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Van Valin, & LaPolla. (1995). *Syntax: Structure, meaning and function*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Van Valin, R. (2005). *Exploring the syntax-semantics interface*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Vendler, Z. (1967). *Linguistics in philosophy*. New York: Cornell University Press.